

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN FONG KUI LUN**
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : **23 OKTOBER 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berikutan pelancongan domestik boleh memainkan peranan untuk memacu ekonomi tempatan dengan perbelanjaan melebihi RM 92.5 bilion pada tahun 2018, apakah perancangan Kementerian untuk menambah bilangan pelancong domestik sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Survei Pelancongan Domestik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan pelancong domestik telah menunjukkan pertumbuhan positif sebanyak 10.9% pada tahun 2018 dengan merekodkan seramai 78.2 juta pelancong domestik berbanding dengan 70.5 juta pelancong domestik pada tahun 2017. Di antara negeri yang mencatatkan penerimaan pelancong domestik tertinggi ialah Pahang, diikuti Johor, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, pelbagai acara dan program promosi domestik telah dirancang dan dilaksanakan sebagai persiapan ke arah Tahun Melawat Malaysia 2020 untuk mencapai sasaran pelancong domestik seramai 85.2 juta untuk tahun 2019 dan 92.8 sasaran untuk tahun 2020.

Kementerian melalui Tourism Malaysia terus mempergiatkan lagi usaha untuk meraih kedatangan pelancong domestik menjelang tahun 2020 melalui penyertaan di pameran pelancongan domestik seperti MATTA Travel Fair pada 15 hingga 16 Mac 2019 dan 6 hingga 8 September 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) serta Malaysia International Travel Mart (MITM) Travel Fair pada 9 hingga 11 Ogos 2019 di Mid Valley *Exhibition Centre*. Turut tidak ketinggalan adalah penglibatan melalui pembukaan gerai pameran dalam acara-acara di peringkat domestik mahupun antarabangsa yang mampu untuk menarik tumpuan dan minat orang ramai untuk melancong seperti di Langkawi International Maritime & Aerospace (LIMA) yang telah berlangsung dari 26 hingga 30 Mac 2019, Hari Kraftangan Kebangsaan 2019 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur pada 28 Februari hingga 11 Mac 2019, Floria Diraja 2019 di Putrajaya yang telah berlangsung dari 30 Ogos hingga 8 September 2019 dan Marvel Run di Putrajaya pada 7 September 2019.

Selain itu, dua (2) sesi Tourism Malaysia Travel Mart 2019 juga telah diadakan pada 14 Mac 2019 di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur dan 5 September 2019 di PWTC bagi menyediakan platform kepada penggiat-penggiat industri pelancongan untuk menjalinkan *networking* dan mempromosikan jualan pakej pelancongan. Program *Corporate Travel Bazaar* yang berkonsepkan *business to business* (B2B) antara pengusaha pelancongan (*sellers*) dengan syarikat korporat, Agensi Kerajaan dan pihak swasta (*buyers*) juga telah dianjurkan oleh Tourism Malaysia pada 10 Oktober 2019 di Hotel Pullman Bangsar. Program ini khusus untuk jualan pakej-pakej insentif kepada pihak berkepentingan dan secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pembangunan industri *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) dalam negara.

Beberapa sesi libat urus dan seminar bersama persatuan-persatuan berkaitan pelancongan seperti *Malaysian Tourism Council* (MTC), *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* (MATTA), *Malaysian Association of Hotels* (MAH) dan *Malaysian Tourist Guide Council* (MTGC) serta penggiat-penggiat industri pelancongan turut

diadakan di peringkat negeri sebagai salah satu inisiatif perkongsian maklumat terkini berkaitan pelancongan dan usaha promosi yang dijalankan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 ini.

Penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan di setiap negeri kepada pelancong-pelancong juga akan dilaksanakan secara terus menerus melalui Pejabat - Pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 21 buah Pusat Penerangan Pelancongan (*Tourist Information Center*) di seluruh Malaysia serta melalui laman media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik Tourism Malaysia. E-risalah Kalendar Acara-Acara Pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 juga telah dimuat naik di laman sesawang Tourism Malaysia dan boleh diakses oleh orang ramai bagi mendapatkan informasi berkenaan acara-acara pelancongan utama yang akan diadakan di setiap negeri sepanjang tahun 2020.

Kementerian ini juga merancang untuk mengadakan Majlis Pelancaran Perdana Tahun Melawat Malaysia 2020 pada penghujung tahun 2019 dengan cadangan pelancaran serentak atau *soft launch* akan turut diadakan di semua negeri dengan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi publisiti terhadap kempen Tahun Melawat Malaysia ini. Ini disusuli dengan majlis sambutan secara besar-besaran di pintu-pintu masuk utama negara bagi menyambut pelancong yang akan tiba pada 1 Januari 2020.

Melalui penganjuran kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, Kementerian yakin ianya akan memberi manfaat besar kepada pelbagai lapisan masyarakat dengan peningkatan ekonomi melalui jumlah pendapatan di peringkat domestik serta pertambahan pendapatan tukaran asing kepada negara. Kempen ini juga berupaya untuk mewujudkan kesan limpahan kepada sektor-sektor ekonomi lain yang berkaitan termasuk meningkatkan pendapatan rakyat dan mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.